

**Manifesto tawan Kedah
Utusan Online
04 Mac, 2012
Oleh OPAT RATTANACHOT**

SUNGAI PETANI 3 Mac - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Barisan Nasional (BN) akan memasukkan kehendak rakyat Kedah dalam manifesto pilihan raya untuk menawan semula negeri itu pada Pilihan Raya Umum Ke-13.

Sehubungan itu kata Perdana Menteri, satu tinjauan berhubung keperluan di kalangan penduduk negeri itu akan dilakukan dalam tempoh terdekat.

Kata beliau, BN juga akan mendapatkan maklum balas dan laporan bersesuaian daripada semua pihak termasuk di kalangan Ahli Dewan Undangan (ADUN) berhubung masalah yang dihadapi untuk diselesaikan.

"Kita akan baca semua kehendak rakyat Kedah, 'hangpa' nak apa? Saya insya-Allah akan beri apa yang kerajaan patut dan mampu.

"Kita akan baca, dapat laporan daripada ADUN BN apa yang orang Kedah mahu. Saya akan mai (datang) lagi untuk lihat sama ada mereka perlu rumah, pelaburan atau lain-lain yang patut," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Makan Malam Perdana sempena Program Pemukiman ADUN Kelab Penyokong Barisan Nasional (BNBBC) di hadapan lebih 20,000 penduduk di Taman Ria Jaya, di sini malam ini.

Najib berkata, sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, BN akan memastikan janji-janji yang dimasukkan dalam manifesto itu kelak dapat ditunaikan.

"Semua orang tahu di bawah BN, kita lakukan secara adil. Begitu juga di Kedah, saya percaya, jika kita diberikan mandat, kita akan lakukan lebih baik dari sekarang," katanya.

Sehubungan itu, beliau mengajak rakyat Kedah supaya melakukan perubahan dengan memberikan mandat yang padu kepada BN.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri mengingatkan pemimpin BN agar sentiasa merasai keperluan dan denyut nadi rakyat sekiranya mahu perubahan.

"Kita mesti tahu masalah rakyat, kenal pasti apa yang mereka mahu. Tidak boleh ada jarak yang memisah kita daripada rakyat.

"Sebagai anggota yang mewakili BN, kita mesti mendahulukan rakyat sepanjang masa. Perubahan yang kita lakukan itu mestilah berpunca daripada kesanggupan kita berbuat demikian," katanya.

Program Pemukiman ADUN BN yang berlangsung selama tiga hari di negeri itu bermula semalam melibatkan 110 ADUN daripada seluruh negara.

ADUN-ADUN terlibat ditempatkan di 36 kawasan terpilih di Kedah.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0304&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_01.htm